

## Ericsson bakal bawa pengalaman 5G bertaraf dunia ke Malaysia



Kuala Lumpur: Peneraju teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) global Ericsson, mengumumkan pelancaran 5G di Malaysia menerusi kerjasama dengan Digital Nasional Berhad (DNB), baru-baru ini.

Kerjasama global itu dilihat akan memenuhi keperluan pengguna dan perusahaan, selain potensi kegunaannya dalam perniagaan baharu yang tidak terhad, pastinya memberi impak positif kepada semua lapisan masyarakat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson, Börje Ekholm, berkata Malaysia berpotensi menjadi peneraju global dalam 5G yang membolehkan usahawan tempatan membangunkan solusi dengan rangkaian berkenaan.

Katanya, kes penggunaan yang berjaya dilaksana dan dilancarkan pada peringkat tempatan serta global itu menyokong ekonomi dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan kemahiran baharu.

"Ericsson kini mengendalikan 108 rangkaian aktif 5G, iaitu lebih separuh daripada rangkaian sedemikian di dunia. Pada peringkat global, Ericsson mengendalikan 48 jaringan daripada 73 negara yang melancarkan 5G, iaitu lebih daripada 60 peratus negara di seluruh dunia.

"Fokus kami ke atas inovasi dan kebolehpercayaan telah menjadikan Ericsson rakan kongsi diyakini untuk menawarkan rangkaian 5G di pasaran yang lebih maju dan berteknologi tinggi seperti Amerika Syarikat, yang mana kami menyediakan produk dan perkhidmatan infrastruktur bagi semua pengendali telekomunikasi di negara itu selain memperkukuh kedudukan kami sebagai peneraju pasaran 5G RAN kami pada tahun lepas.

"Teknologi 5G adalah teras perniagaan Ericsson dengan pelaburan AS\$ 4.4 bilion dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) setiap tahun, bersamaan hampir 20 peratus daripada hasil jualan syarikat itu," katanya.

Menjelaskan usaha sama bersama dengan DNB, Börje berkata inisiatif itu penting dalam usaha memacu kemajuan telekomunikasi di Malaysia.

"DNB memiliki spektrum, reka bentuk end-to-end dan teknologi yang diperlukan bagi merealisasikan rangkaian 5G," katanya.

Tegasnya, Ericsson komited untuk menyokong DNB sepenuhnya dalam menjadikan projek 5G sebagai satu kejayaan besar untuk negara, rakyat dan ekonomi.

"Satu lagi contoh komitmen kami kepada Malaysia adalah melanjutkan program Ericsson Educate dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk mendidik pelajar universiti mengenai 5G dan teknologi berkaitan," katanya.

Katanya, 5G akan memacu transformasi digital di Malaysia dan membantu negara bersiap siaga untuk Industri 4.0 (IR4).

"Ia juga akan membantu merapatkan jurang digital melalui penggunaan teknologi seperti Fixed Wireless Access untuk menyediakan ketersambungan ultra pantas sehingga ke kawasan pedalaman.

"Kerjasama bersama DNB untuk pelancaran 5G ini menjamin pengalaman pelanggan bertaraf dunia dan mampu dimiliki," katanya.

Börje berkata, perkongsian kukuh dan gabungan keupayaan Ericsson bersama DNB membolehkan kedua-dua pihak melancarkan 5G di Malaysia dalam tempoh kurang daripada enam bulan selepas penganugerahan kontrak itu.

"Kami bakal menyediakan kira-kira 80 peratus liputan di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2024.

Tambahnya, pelancaran 5G secara berterusan akan turut menyaksikan Ericsson bekerjasama dengan kontraktor tempatan dan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Malah, pihaknya sedang bekerjasama dengan kontraktor tempatan yang sedia ada di samping membangunkan barisan rakan niaga untuk masa depan.

"Kami bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan dalam pelbagai bidang seperti pemasangan dan pelancaran rangkaian, pengoptimuman rangkaian dan penyelesaian rangkaian, dan sebagainya," katanya.

"Setiap bakal kontraktor dan penyedia perkhidmatan semestinya mempunyai keupayaan teknikal yang diperlukan, rekod prestasi yang terbukti, serta latar belakang syarikat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Ericsson. Ini memastikan kami berupaya mengekalkan kepimpinan teknologi global kami seiring komitmen untuk menyampaikan rangkaian bertaraf dunia di Malaysia. Kami sentiasa mengalu-alukan minat mana-mana rakan kerjasama tempatan yang berhasrat untuk bekerjasama dengan kami dalam projek yang amat penting ini."

"Kami sedang membina rangkaian lebih menyeluruh bertaraf dunia menerusi penyelesaian canggih seperti Multi Operator Core Network yang membolehkan rangkaian radio dikongsi semua enam pengendali rangkaian telekomunikasi.

"Pada masa sama, kami akan mengendalikan rangkaian itu dengan memberi tumpuan kepada penggunaan sumber tempatan dan peralatan terkini serta teknologi Artificial Intelligence.

"Ini akan menjamin kos terendah bagi setiap GB dan tawaran harga berpatutan serta apa yang penting ia bertaraf dunia," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai pembangunan 5G Ericsson di Malaysia, lawati

<https://www.ericsson.com/en/about-us/company-facts/ericsson-worldwide/malaysia>